

09 FEB 2003

Mahathir-LTdL/I

LTdL BUKTI MALAYSIA SEBUAH NEGARA AMAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejohanan jelajah berbasikal Le Tour de Langkawi (LTdL) yang berakhir di sini hari ini membuktikan Malaysia adalah sebuah negara aman.

Katanya, liputan secara langsung acara tahunan yang masuk tahun kelapan kali ini bukan sahaja memberi peluang kepada orang dari pelbagai negara menyaksikan perlumbaan hebat itu tetapi untuk mereka mengenali Malaysia, sebuah negara yang dianggapnya masih belum begitu diketahui ramai.

"Kita selalunya tidak mendapat liputan media yang baik dan ini adalah peluang untuk melihat Malaysia seadanya.

"Dan saya percaya mereka menyedarinya. Ini adalah sebuah negara yang aman di mana rakyat pelbagai kaum dapat bergaul dan kita tidak menghadapi masalah dengannya," kata Perdana Menteri kepada pengulas ESPN selepas penamat LTdL di Dataran Merdeka petang tadi.

Perlumbaan peringkat akhir itu turut disiarkan secara langsung oleh RTM. LTdL yang bermula 1996 adalah hasil idea Dr Mahathir.

Ditanya sama ada beliau akan terus memberikan sokongan kepada kejohanan itu selepas persaraannya, Dr Mahathir berkata beliau akan terus memberikan sokongan.

Dr Mahathir telah mengumumkan akan bersara daripada semua jawatan kerajaan dan parti pada Oktober ini dan telah menamakan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti.

Sementara itu semasa berucap sebelum majlis penyampaian hadiah, Perdana Menteri berkata perlumbaan bertaraf 2.2 itu merupakan satu kejayaan besar lumba basikal dan beliau mengucapkan penghargaan kepada penganjur kerana terus berusaha menaikkan taraf kejohanan itu.

Beliau melahirkan keyakinan perlumbaan itu mempunyai masa depan yang cerah dan pelumba-pelumba ternama dunia berhasrat menyertainya kerana kejayaan pada perlumbaan itu akan menandakan pencapaian mereka berlumba di sebuah negara tropika.

"Memang di sini panas, Saya dapat lihat ada orang yang boleh bertahan dengan lebih baik berbanding mereka dari negara tropika," katanya.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

-- BERNAMA

AZH HS MOZ